

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan terperinci berkenaan dengan status cadangan pelaksanaan pilihan raya tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2018 hingga 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan 3 siri bengkel Kajian Kebolehlaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Melalui bengkel tersebut, sesi libat urus telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

2. Lanjutan daripada siri bengkel tersebut, KPKT sedang menyediakan kertas cadangan dasar pelaksanaan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan kertas pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. KPKT juga sedang mengkaji model terbaik bagi pelaksanaan pilihan raya PBT dan akan membentangkan model yang paling sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia kepada Jemaah Menteri. Sekian, terima kasih.